

TERMA DAN SYARAT KEMPEN “NAK MENANG DUIT?”

NOTIS PENTING:

PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SEBELUM MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INI HENDAKLAH DIBACA BERSAMA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INTERNET DAN PERBANKAN MUDAH ALIH, SERTA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT DUITNOW DAN JOMPAY.

1. Definisi

| Terma | Definisi |
|--------------|---|
| Al-Awfar | Akaun Pelaburan Tidak Terhad Produk Al-Awfar yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan prinsip Syariah Mudarabah. |
| Kempen | Kempen ‘Nak Menang Duit?’ yang dianjurkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam” atau “Bank”) mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat yang ditetapkan di sini. |
| DuitNow | Perkhidmatan yang membolehkan pelanggan memulakan dan menerima pemindahan kredit segera menggunakan nombor akaun penerima atau ID DuitNow. |
| DuitNow ID | Pengecam biasa pemegang akaun seperti nombor mudah alih, kad pengenalan, nombor pasport (dalam kes pelanggan asing), nombor tentera atau nombor polis (dalam kes individu) atau nombor pendaftaran perniagaan (dalam kes pelanggan korporat) atau mana-mana pengecam biasa lain yang mungkin diperkenalkan oleh Pengendali DuitNow dari semasa ke semasa. |
| FPX | Sistem pembayaran dalam talian berasaskan internet masa nyata yang membolehkan Pembeli (sama ada individu atau korporat) membuat pembayaran dalam talian yang selamat menggunakan akaun Perbankan Internet mereka kepada Penjual. |

| | |
|----------------------|---|
| JomPAY | Perkhidmatan yang ditawarkan oleh PayNet yang memudahkan pembayaran Bil di seluruh industri melalui penggunaan Kod Pengebil standard dan Nombor Rujukan Penerima. |
| Pelanggan yang Layak | Pelanggan Perbankan Internet dan/atau Perbankan Mudah Alih GO by Bank Islam yang memenuhi Kriteria Kelayakan dan mekanik kempen yang terkandung di sini |

2. Tempoh Kempen

a) Tempoh Kempen adalah dari **21 Oktober 2022 hingga 21 Januari 2023**.

3. Kriteria Kelayakan

(a) Kempen ini terbuka kepada pelanggan yang memenuhi keperluan berikut:

- i. Individu berumur 18 tahun ke atas; dan
- ii. Berjaya melakukan transaksi semasa Tempoh Kempen sama ada Duitnow, JomPAY atau FPX melalui Perbankan Internet dan/atau Perbankan Mudah Alih Bank Islam dengan amaun minimum seperti berikut:

| | Amaun Minimum (RM) | Nota |
|---------|--------------------|---|
| DuitNow | 1.00 | Transaksi kepada akaun sendiri dan DuitNow ID sendiri adalah tidak layak |
| JomPay | 10.00 | Memecahkan pembayaran untuk sebarang invois/bil bagi kempen ini adalah tidak dibenarkan sama sekali |
| FPX | 1.00 | |

(b) Pelanggan Yang Layak yang merupakan kakitangan di bahagian eChannels Bank Islam (tetap/kontrak) tidak layak untuk mengambil bahagian dalam kempen ini.

4. Pemenang dan Hadiah

(a) **Pemilihan pemenang**

- i. Pemilihan pemenang akan berasaskan kepada 5 peserta dengan transaksi tertinggi untuk setiap kategori (DuitNow, JomPAY dan FPX) yang diambil kira oleh Bank Islam pada akhir tempoh kempen dengan jumlah lima belas (15) hadiah bernilai RM150,000 untuk dimenangi

| Pemenang | DuitNow | JomPAY | FPX |
|----------|---------|--------|-----|
|----------|---------|--------|-----|

| | | | |
|-------------------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|
| 5 Peserta transaksi tertinggi | RM10,000 x 5 pemenang | RM10,000 x 5 pemenang | RM10,000 x 5 pemenang |
|-------------------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|

- ii. Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi 1 hadiah sahaja sepanjang tempoh kempen
- iii. Hadiah wang tunai akan dimasukkan ke akaun Al-Awfar pemenang-pemenang dalam masa 90 hari selepas kempen berakhir
- iv. Pemenang tanpa akaun Al-Awfar hendaklah membuka akaun Al-Awfar dalam tempoh 2 minggu selepas pemenang berjaya dihubungi oleh Bank Islam atau hadiah wang tunai akan dibatalkan jika pemenang gagal membuka akaun dalam tempoh masa yang ditentukan
- v. Senarai pemenang akan disiarkan di laman web dan media sosial Bank Islam selepas tempoh kempen sebelum atau selewat-lewatnya pada 21 Februari 2023
- vi. Pemenang juga akan dihubungi melalui e-mel dan melalui nombor telefon yang didaftarkan dengan Bank Islam

5. Terma dan Syarat Am

- (a) Untuk mengambil bahagian di dalam kempen Bank Islam ini, Pelanggan Yang Layak mestilah termasuk di dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisme kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank Islam, Pelanggan Yang Layak tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen tersebut.
- (b) Dengan mengambil bahagian di dalam kempen ini, Pelanggan Yang Layak:
 - i. membenarkan Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank Islam setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini;
 - ii. bersetuju untuk Bank Islam menerbitkan atau memaparkan namanya dan gambar-gambarnya di dalam media pemasaran atau laman web Bank Islam untuk tujuan mempromosi kempen ini (dimana berkenaan); dan
 - iii. bersetuju dengan keputusan Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan para pemenang dan hadiah-hadiah adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pelanggan Yang Layak dan tiada surat menyurat selanjutnya dan tiada rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan.
- (c) Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab ke atas sebarang cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai kepada pihak berkuasa lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap di bawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para pemenang untuk mendapatkan nasihat

bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.

- (d)** Hadiah-hadiah di dalam kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan, melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat ini (jika ada).
- (e)** Hadiah ini tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Pemenang-Pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada (as it is) dan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza dipasaran ketika pemenang menebus/memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- (f)** Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi dengan memberikan notis kepada Pelanggan Yang Layak/Pelanggan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank.
- (g)** Pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang bakal timbul untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.
- (h)** Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, Bank Islam akan melindungi data peribadi pelanggan. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang membenarkan dan bersetuju untuk Bank Islam menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media yang dipilih oleh Bank Islam. Oleh yang demikian, Bank Islam berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.
- (i)** Bank Islam dan rakan perniagaannya beserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab seperti berikut:
 - i. sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan / atau sebarang kecederaan dan / atau kehilangan nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi kempen ini; dan
 - ii. sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan / atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan yang Layak , berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang;
 - iii. segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan kempen ini.
- (j)** Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang

daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman web Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan, atau penggantungan kempen oleh Bank Islam, tidak membolehkan pelanggan yang menyertai kempen ini untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa jua yang ditanggung atau dialami oleh pelanggan-pelanggan samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

- (k) Pelanggan yang Layak adalah dinasihatkan untuk melayari laman web Bank Islam dari masa ke semasa untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
- (l) Terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat produk/kemudahan, terma-terma dan syarat-syarat Perbankan Internet dan Mudah Alih Bank Islam, terma-terma dan syarat-syarat DuitNow dan JomPay. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, terma-terma dan syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.
- (m) Semua terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan pelanggan yang layak bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Perhubungan & Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman web kami di <http://www.bankislam.com>